

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 1 OKTOBER 2016

Shah Alam u/10 bus
atm

Datuk Bandar buat lawatan mengejut

Ibu bapa kepada 50 bayi yang lahir di Hospital Shah Alam menerima kejutan apabila dikunjungi rombongan diketuai Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, semalam.

Semua ibu bapa itu menerima cenderahati kelengkapan bayi dan hamper manakala tiga bayi yang lahir semalam menerima tambahan sijil ucapan tahniah.

Kunjungan itu turut disertai Ahli Majlis, pengarah jabatan serta kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) itu adalah sempena sambutan ulang tahun Bandar Raya Shah Alam ke-16, semalam.

foto: SHAZREEN ZAMZURI



AHMAD Zaharin (tengah) melihat bayi yang baru dilahirkan sambil diiringi Pengarah Hospital Shah Alam, Dr Hasni Hanapi (kiri), semalam.